



KOPI PAHIT

Orang-orang *Front Socialist* telah menegur empat orang Syed di dalam Dewan Bahasa yang di dalamnya ada lebih daripada delapan puluh orang Melayu bekerja di situ. Kalau Syed yang hidupnya sebatu dengan orang-orang Melayu ditanya mengapa pula orang *Front Socialist* tidak mau menanya mengapa pula di pejabat-pejabat kerajaan di Kuala Lumpur dan di mana-mana menghitam orang *Indian* dan menguning orang-orang Cina bekerja di sana melebihi daripada orang-orang Melayu tidak ditanya? Barangkali ini kerana orang *Front Socialist* Melayu campur Cina, tambah *Indian* – dan mereka telah sebatu. Kerana itu kita silakan Dato' Onn pula mendatangkan pertanyaan mengapa banyak pejabat-pejabat dipenuhi oleh orang-orang *Indian* dan Cina? Bukankah ini lebih logik?

Hamka mengatakan bahawa ulama-ulama di Malaya adalah terus bertengkar di dalam perkara agama yang kecil-kecil sahaja. Apakah Hamka dapat membuktikan ini? Pertenggaran-pertenggaran masalah yang dibuat oleh ulama itu adalah di dalam mencari kebenaran dan mereka masih boleh bersemuka tidak bermusuhan – masih **“kompak”!** Cuba perhati di Perak! Mereka bertengkar tetapi tidak berkelahi dan akan bersatu di dalam menentang kecerobohan-kecerobohan yang cuba dibuat oleh orang yang menghina agama. Pertenggaran itu di antara adik-beradik tetapi bagaimana di Indonesia? Mengapa ulama-ulama Indonesia datang ke mari cuba hendak membesarkan perkara ulama dan ulama Malaya dibidas, padahal perkaranya sangat sedikit. Mengapa ulama-ulama Indonesia seperti Hamka tidak mau lebih dahulu menasihati keadaan ulama di Indonesia sendiri – dan bekerja membetulkan keadaan Islam di Jakarta! Kan ini lebih baik! Bung Hamka!

Orang-orang di Malaya dan di Singapura memang gemar mendengar syarahan-syarahan agama tetapi syarahan-syarahan yang mencabar-cabar dan

membodoh-bodohkan ulama Malaya seperti yang dibuat oleh Hamka tentulah tidak diredai mereka, ulama-ulama di Malaya telah banyak berkorban di dalam masyarakatnya – dan mereka tidak berapa mengambil endah tentang persoalan furu' – mereka membebaskan orang-orang membahasnya (mana-mana yang suka). Adakah patut perbuatan Hamka mencela-cela ulama di Malaya padahal ia di kerajaan? Apakah ia cuba hendak memecah-mecah dan menghidup-hidupkan perpecahan? Kalau ini maka orang-orang di Malaya, harus juga ulama-ulama di Malaya akan berkata mengapa Bung tidak mau betulkan dahulu di tempat awak sendiri? Mengapa Tuan Hamka tidak mau melawan atau menyeru umat Islam di Indonesia bersatu menentang penjajahan bangsanya terhadap Islam? Tidakkah khutbah-khutbah Jumaat di Indonesia di-*sensor*? Apakah ini tidak bermakna agama lebih hebat ditindas daripada penjajahan Belanda dan Jepun di Indonesia? Bercerminlah dahulu – Bung Hamka – agama menyeru betulkan rumah sendiri dahulu sebelum membetulkan rumah orang lain! Tidakkah begitu?

Hamka berfatwa mengatakan bahawa hukum berjabat tangan makruh boleh dibuat kerana tidak ada mengandung syahwat dan kerana kepentingan masyarakat. Orang bertanya apakah kerana tidak bersyahwat dan kerana kepentingan agama hukum Tuhan boleh diubah-ubah dan dilanggar? *Mā shā'a Allāh!* Kalau begitu kerana tidak bersyahwat dan kerana kepentingan masyarakat hukum atau kerana kepentingan masyarakat yang haram boleh dihalalkan? Sekali lagi *Mā shā'a Allāh!* ! !

Sedikit masa dahulu apabila Wan Kadir yang mengetuai rombongan wanita ke Indonesia menyatakan bahawa Presiden Sukarno sangat ramah kepada rombongan itu. Ia mengatakan bahawa Presiden mengatakan mengapa rombongan itu cepat sangat pulang dan kalau payah tempat boleh tinggal di istana. *Mā shā'a Allāh* baik benar Presiden Sukarno kepada rombongan itu tetapi kalau orang yang mengingat sejarah tentunya bermenung memikirkan tawaran itu sambil mengucap *Mā shā'a Allāh La ḥawla wa lā quwwata illā billāh*. Buat Cemeti al-Farouk hanya geli geman sahaja! Kalau hendak, cuba tahu apa ertinya tawaran itu cubalah tanya sama

-Cemeti al-Farouk